

31/10/2003

5 juta pelajar hargai Dr M

By Fazli Abdullah

PUTRAJAYA: Kira-kira lima juta pelajar mengadakan perhimpunan serentak di seluruh negara pagi semalam sebagai tanda penghargaan serta terima kasih kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bersara hari ini selepas berkhidmat 22 tahun.

Turut sama dalam perhimpunan berkenaan ialah kira-kira 300,000 guru. Perhimpunan yang sama juga diadakan di maktab, politeknik dan kolej matrikulasi di seluruh negara.

Pada majlis itu, pelajar mengadakan pelbagai persembahan untuk menunjukkan penghargaan dan terima kasih kepada Perdana Menteri seperti bacaan sajak, nyanyian lagu patriotik serta mengibarkan kain rentang dan sepanduk.

Surat terbuka pelajar kepada Perdana Menteri turut dibacakan, selain perutusan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad dan Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat.

Pengarah Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan, Salleh Mohd Husein, berkata perhimpunan itu sebahagian daripada program untuk menyemai semangat berterima kasih di kalangan pelajar.

Sehubungan itu, beliau berharap pelajar menghayati sepenuhnya jasa dan budi Dr Mahathir yang besar kepada bangsa dan negara menerusi pengisian program berkenaan.

"Sebagai tanda sayang dan terima kasih kepada Perdana Menteri yang banyak membawa kejayaan dan kemajuan negara, perhimpunan diadakan di seluruh negara," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perhimpunan di Kompleks Sekolah Putrajaya 1 Presint 8, di sini semalam.

Kira-kira 3,000 pelajar dan guru Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya 1, Sekolah Kebangsaan Putrajaya 1 dan Sekolah Kebangsaan Putrajaya 4 menyertai perhimpunan berkenaan.

Selain nyanyian dan bacaan sajak, pelajar turut berbaris di padang membentuk huruf 'M' simbolik untuk Dr Mahathir.

Pelajar tingkatan empat SMK Putrajaya 1, Fizrul Mohd Shawal, mewakili kira-kira lima juta pelajar membacakan surat terbuka kepada Perdana Menteri; Pengetua SMK Putrajaya 1, Che Manis Ismail membacakan perutusan Musa, manakala Guru Besar SK Putrajaya 1, Karimah Hasbullah perutusan Abdul Rafie.

Salleh berkata, sebagai generasi baru, pelajar perlu disemai budaya bersyukur dan berterima kasih kepada sesiapa saja, terutama Dr Mahathir dan kerajaan yang menyediakan pelbagai kemudahan.

Beliau memberi contoh pembangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan adalah hasil cetusan idea Perdana Menteri serta pembinaan sekolah bestari di Putrajaya.

(END)